

Menteri wajib isytihar harta

BH - 2 MAR 2000

KERAJAAN mewajibkan semua jemaah menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen mengisytiharkan harta masing-masing kepada Perdana Menteri ketika pelantikan mereka.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Khamisyah Yeop berkata, peruntukan itu adalah meliputi semua pegawai kerajaan tanpa mengira pangkat mengikut peraturan yang ditetapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1995.

“Peraturan yang ada kini adalah memadai bagi menentukan mereka yang menjawat jawatan penting mengisytiharkan harta mereka dan tidak menggunakan jawatan mereka bagi kepentingan peribadi,” katanya menjawab soalan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (Keadilan-Permatang Pauh).

Bagaimanapun, katanya, kerajaan masih lagi mengkaji cadangan sama ada akan mewajibkan pengisytiharan harta di kalangan wakil rakyat.